

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2022

PINDAAN ARAHAN PTG BIL. 2/2021 DAN 7/2021 MENGENAI PEMBEKUAN SEMENTARA PERMOHONAN LESEN MENCARIGALI, LESEN PENJELAJAHAN DAN LESEN MELOMBONG TUAN PUNYA

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan pindaan mengenai cadangan pembekuan sementara bagi semua permohonan lesen mencarigali, lesen penjelajahan dan lesen melombong tuan punya di Negeri Kelantan.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Bil. 3/2021 yang bersidang pada 30 Disember 2021 telah bersetuju untuk membenarkan permohonan lesen mencarigali dan lesen penjelajahan hanya kepada mana-mana permohonan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs) milik Kerajaan Negeri sahaja.
3. Selaras dengan keputusan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri tersebut, Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan hanya akan memproses permohonan lesen melombong tuan punya dan permohonan lesen mencarigali sebagaimana di para 2 sahaja untuk diangkat kepada Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri.
4. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah dan jabatan yang terlibat hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri.
5. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Arahan PTG Bil. 7/2021. Dengan ini Arahan PTG Bil. 2/2021 dibatalkan.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, *D.P.S.K (Kelantan), K.M.N.*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
10. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
12. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
13. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.KN.32/69 JLD.5
BERTARIKH : 13 JAMADIL AKHIR 1443H
16 JANUARI 2022**